

Kerajaan Cari Jalan Cegah Kegiatan 'Biopiracy'
Bernama
25 Julai, 2012

KUALA LUMPUR, 25 Julai (Bernama) -- Kerajaan sedang mengadakan konsultasi dengan pelbagai pihak bagi mencegah kegiatan 'biopiracy', iaitu satu kegiatan yang mana pihak tertentu membawa keluar sumber biodiversiti tempatan tanpa kebenaran sehingga merugikan negara.

Timbalan Setiausaha Bahagian Pengurusan Biodiversiti dan Perhutanan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, K. Nagulendran berkata kegiatan itu bukan sahaja berlaku secara fizikal tetapi juga etnologikal iaitu melalui ilmu tradisional dan amalan rakyat tempatan.

"Kami ada satu contoh di Sarawak yang mana saintis Amerika mendapatkan pengetahuan daripada Orang Asli mengenai sebuah pokok dan menghasilkan produk daripada pokok tersebut. Pada masa ini ujian klinikal dilakukan terhadap pokok itu, kemungkinan untuk anti HIV.

"Jadi semua ini (produk biodiversiti) mempunyai potensi...yang penting ialah ilmu tradisi yang ada pada masyarakat pribumi kita perlu dijaga dengan baik," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui pada sesi konsultasi dengan masyarakat Orang Asli, komuniti setempat dan badan bukan kerajaan mengenai draf Rang Undang-Undang Sumber Biologi dan Perkongsian Faedah (RUU ABS) di sini, Rabu.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=683085>

